

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENUTUP**  
**PROGRAM KUMPULAN PEMBANGUNAN**  
**DAN PERNIAGAAN KOPERASI**

**12 APRIL 2023 (RABU)**  
**12.00 TENGAHARI**

**HOTEL TABUNG HAJI KELANA JAYA**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Koperasi dan  
Salam Ramadan Al-Mubarak

Terima kasih Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Hj. Abdullah Hj. Jusoh  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
ANGKASA

En. Ahmad Marzuki Ismail  
Pengurus Besar Kanan  
Kumpulan Pembangunan Koperasi

Tuan Haji Nor Azmi Abd Jalil  
Pengurus Besar Kanan  
Kumpulan Perniagaan Koperasi

Tuan Haji Anuar Bulin  
Pengurus Besar Kanan  
Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran

Encik Zuhid Jamaluddin  
Pengurus Kanan  
Sektor Peneraju  
Kumpulan Pembangunan Koperasi

Encik Jamar Mat Ali  
Pengurus Kanan  
Sektor Koperasi Bersasar  
Kumpulan Pembangunan Koperasi

Puan Aziah Talib  
Pengurus Kanan  
Sektor Sokongan  
Kumpulan Pembangunan Koperasi

Para Pengurus dan Pegawai Negeri

**Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang Dihormati  
Sekalian**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul di Program Penerangan Kumpulan

## Pembangunan dan Perniagaan Koperasi pada hari ini.

2. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta iaitu pengurus dan pegawai negeri kerana telah menghadiri program ini dengan jayanya.

3. Seiring dengan usaha mentransformasi penstrukturAN GKASA, adalah penting kita jelas tentang tujuan dan objektifnya kerana kita perlu meningkatkan usaha dan kerjasama secara berkesan.

**Hadirin yang Dihormati Sekalian,**

4. Pelan Strategik ANGKASA 2050 atau PESAN50 (Pelan Jangka Sederhana 2021-2030) dirangka dan disusun bagi mencapai hala tuju ANGKASA 2050. Jika kita gagal menerapkannya dalam diri, nescaya kita sukar menilai dan mengubah suai pendekatan semasa sejajar dengan perkembangan negara.

5. Melalui visi ANGKASA sebagai Pemacu Unggul Kelestarian Sosioekonomi Gerakan Koperasi, empat Tonggak Strategik utama iaitu Tonggak Ekonomi, Tonggak Ekosistem, Tonggak Tadbir Urus dan Tonggak Inovasi disandarkan.

6. Bagi setiap tonggak, dua Teras Strategik ditetapkan dengan memberi fokus kepada ANGKASA (untuk memperkuuh infrastruktur organisasi ANGKASA) dan gerakan (untuk melestarikan gerakan koperasi yang diterajui ANGKASA).

7. Pihak Lembaga peka terhadap usaha membangun dan merangsang aktiviti dalam gerakan koperasi. Dalam zaman globalisasi dan liberalisasi ini, kita perlu menerokai aktiviti berdaya maju dan berdaya saing. Sebagai contoh, aktiviti harta tanah, solar, penternakan dan peladangan.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian,**

8. Pihak ANGKASA telah merangka beberapa strategi bagi memantapkan ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi. Ia perlu didukung secara bersama-sama. Setiap isu dan cabaran yang tercetus, kita memandang ia sebagai satu

tanggungjawab. Jika tidak, gerakan koperasi di negara ini tidak mampu bersaing dengan negara luar.

9. Perubahan struktur ANGKASA perlu dilihat secara positif. Perubahan ini bagi:

- i. Meningkatkan imej ANGKASA selaku badan apeks negara;
- ii. Mengoptimum dan memaksimakan tenaga kerja;
- iii. Memperkasakan hubungan dan kerjasama kalangan koperasi; dan
- iv. Meningkatkan sumbangan gerakan koperasi dalam Keluaran Dalam Negara Kasar.

10. Harapan saya, kejayaan jitu boleh tercapai dalam jangka masa singkat jika JPAN mengambil pendekatan proaktif terhadap setiap amanat dan saranan daripada ANGKASA Pusat.

11. Saya berharap semua peserta dapat mengambil pendekatan terbaik dalam memperkasakan diri,

menambah baik tadbir urus setiap negeri seterusnya mengambil ruang dan peluang yang ada. Sikap saling menyalahi dan menuding jari perlu diketepikan demi memantapkan pembangunan koperasi.

12. Selepas program ini, saya berharap JPAN mampu

mengoptimalkan kelancaran dan kecekapan operasi mereka. Tidak mustahil KPI yang disediakan tercapai lebih awal.

13. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua yang menjayakan program ini. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat

meneruskan ibadah puasa. Semoga amal ibadat kita sepanjang bulan penuh berkat ini mendapat rahmat dan keredaan Allah S.W.T.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.